UUM/AA87/BH/19.6.2026/P:17(1-4)

Pengasingan peranan AG, Pendakwa Raya kukuhkan keyakinan awam

Langkah reformasi sistem keadilan diusahakan kerajaan dijangka jamin kebebasan pendakwaan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Sintok: Pengasingan peranan Peguam Negara (AG) dengan Pendakwa Raya yang diusahakan kerajaan, bakal memperkukuh keyakinan awam terhadap sistem keadilan di negara ini.

Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar, berkata Jabatan Peguam Negara (AGC) berperanan utama dalam melaksanakan pembaharuan undang-undang di Malaysia, termasuk usaha mengasingkan peranan Peguam Negara dengan Pendakwa Raya.

Beliau menjelaskan, langkah itu bertujuan mewujudkan fungsi Pendakwa Raya yang bebas sepenuhnya, berasingan daripada peranan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan.

"Ia akan menandakan satu peristiwa penting dalam memperkukuhkan kebebasan pendakwaan dan keyakinan orang ramai terhadap sistem keadilan.

"Ia adalah pembaharuan institusi utama yang mengukuhkan pengasingan kuasa dan memperkukuh keyakinan bahawa keputusan pendakwaan dilakukan secara bebas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Perdana bertajuk 'Strengthening the rule of law through institutional reform: Malaysia's roadmap for a modern justice system' di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, semalam.

RUU kini diteliti

Mohd Dusuki berkata, selepas bacaan pertama Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No 2) 2026 pada 23 Februari lalu, RUU itu kini pada peringkat penelitian menyeluruh oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.



Mohd Dusuki menyampaikan Syarahan Perdana di Kompleks UUM, Sintok, semalam. (Foto ihsan UUM)

Katanya, usaha itu mencerminkan komitmen teguh terhadap akauntabiliti demokrasi dan tadbir urus yang baik.

"Pengukuhan berterusan fungsi pendakwaan kekal menjadi antara teras utama agenda reformasi institusi AGC, khususnya dalam memastikan sistem keadilan negara sentiasa responsif terhadap cabaran jenayah moden.

"Dalam era jenayah yang semakin kompleks, pendakwaan kini perlu mengendalikan kes membabitkan jenayah siber, forensik digital, mata wang kripto, penipuan kewangan dan penipuan yang dipacu kecerdasan buatan (AI), jenayah terancang serta kesalahan rentas sempadan," katanya.

Katanya, AGC mengambil langkah proaktif membina perkhidmatan pendakwaan yang lebih khusus menerusi latihan berterusan, inisiatif peningkatan kapasiti bersasar, serta pembangunan kepakaran dalam bidang tertentu.

Beliau berkata, AGC berada di barisan hadapan pentadbiran keadilan berkait jenayah, termasuk dalam mengendalikan perbicaraan dan rayuan berkepentingan awam, kes berprofil tinggi, kompleks serta sensitif.